

## SEDEKAH

Firman Allah swt; "Janganlah kamu takut kepada kemiskinan karena membelanjakan harta di jalan Allah".

(Al-Baqarah 2:245)

Apabila kita bersedekah hendaklah kita mendahulukan orang yang dekat dengan kita termasuk adik beradik dan juga jiran tetangga sebelum menghulur bantuan kepada orang lain. Ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad. Antara lain ia menyusun keutamaan bersedekah kepada diri sendiri, isteri, anak, orang gaji dan jika masih ada sedekahlah kepada sesiapa yang memerlukan. Jika masih ada golongan fakir dan miskin di negara kita, lebih baik kita bersedekah kepada mereka sebelum bersedekah kepada penduduk luar negara.

Harta tidak baik yang digunakan di jalan Allah dan harta baik yang digunakan di jalan syaitan, keduanya tidak bernilai sedekah di mata Allah. Sedekah harus memenuhi dua kriteria, iaitu harta baik yang disalurkan di jalan Allah. Itulah harta yang tidak sia-sia, kerana Allah akan memberikan ganti secara berlipat ganda.

Janji Allah tidak pernah dusta. Kewajiban orang beriman adalah meyakinkannya dengan segenap hati.

Rasulullah sendiri pernah menginformasikan, "Tiada sehari pun sekalian hamba memasuki suatu pagi, kecuali ada dua malaikat yang turun. Salah satu dari keduanya berkata, 'Ya Allah, berikanlah ganti kepada orang yang menafkahkan hartanya'. Sementara yang lain berkata, 'Ya Allah, berikanlah kebinasaan kepada orang yang menahan hartanya'."

(HR Bukhari dan Muslim)

KEKAYAAN tidak membawa erti tanpa ada keberkatan. Dengan adanya keberkatan, harta dan rezeki yang sedikit akan dirasakan seolah-olah banyak serta mencukupi. Sebaliknya, tanpa keberkatan akan dirasakan sempit dan susah meskipun banyak harta.

Cara mendapatkan keberkatan daripada Allah, antaranya:

1) *Bersyukur atas apa yang diberikan Allah.*

2) *Belanjakan harta pada jalan diredhai Allah.*

3) *Berusaha cari rezeki halal*

4) *Keluarkan sedekah wajib (zakat) jika sampai nisab dan beri sedekah sunat kepada orang miskin dan anak yatim.*

5) *Bersedekah kepada anak yatim, miskin, jika boleh setiap hari.*

*(Cari anak yatim untuk diberikan) kerana dengan izin Allah akan diganti tanpa kita sedari.*

Jika dapat diamalkan, rezeki yang dikurniakan Allah akan kekal walaupun sudah digunakan. Allah akan membalas atau menggantikan apa yang sudah dibelanjakan. Amalkan ilmu yang ada, Allah akan menambahkan ilmu lagi. Begitu juga harta, belanjakan harta yang ada, Allah akan tambahkan lagi daripada sumber yang kita tidak ketahui.

Bersedekah itu boleh dilakukan oleh semua orang sekalipun orang itu tidak berharta. Amalan bersedekah sangat digalakkan dalam Islam, kerana bersedekah adalah lambang kesyukuran kepada Allah, pelaksanaan perintah Allah dan mempererat hubungan persaudaraan serta silaturahim sesama Muslim. Sedekah juga adalah cara mengukuhkan hubungan antara hamba dengan Allah dan di antara hamba sesama hamba.

**~ Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, karena sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik. ~**

al-Baqarah: 2: 195